

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' OTHMAN BIN AZIZ
[JERLUN]
TARIKH : 07.04.2014 (ISNIN)

DATO' OTHMAN BIN AZIZ [JERLUN] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambah variasi barangan jualan di Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M) merangkumi barangan basah dan barangan keperluan lain agar rakyat akan mendapat manfaat dan mampu membuat pilihan untuk berbelanja dengan berhemah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada peringkat awal pelaksanaan KR1M dalam bulan Jun tahun 2011, sebanyak 250 *stock keeping unit* (SKU) produk 1MKR telah dijual di KR1M. Namun begitu, jumlah SKU tersebut telah ditambah dari masa ke semasa mengikut permintaan dan keperluan. Sehingga 26 Februari 2014, sebanyak 397 SKU produk 1MKR yang meliputi 360 produk makanan dan 37 produk bukan makanan telah dijual di KR1M.

Di samping itu, KR1M telah menjual barangan basah di 10 buah outlet terpilih di sekitar Lembah Klang sebagai projek perintis bermula daripada 1 Mac 2014. Pelaksanaan ini dijalankan dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Barangan basah yang akan dijual adalah seperti ikan sejuk beku, ayam dan sayuran terpilih. Barangan ini akan di pek dalam kuantiti yang telah ditetapkan. Langkah ini bertujuan untuk memberi pilihan kepada pengguna bagi mendapatkan barangan keperluan bukan sahaja barangan kering tetapi barangan basah di satu tempat.